



KENANGAN ... Para peserta dan AJK program motivasi sempat merakamkan kenangan bersama.

Warga UMS tabur bakti di Desa Kencana



Oleh **SITI AISYAH NARUDIN**
aisyahub@gmail.com

BERKHIDMAT kepada masyarakat. Begitulah ungkapan yang sesuai untuk menjelaskan usaha sekumpulan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam melaksanakan Program Motivasi Pelajar Berinovasi 2010 baru-baru

ini. Program yang dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Desa Kencana, Lahad Datu itu dikendalikan oleh kumpulan yang terdiri daripada 30 warga Kolej Kediaman Anugerah Bestari (AB) UMS termasuk 28 fasilitator dan dua pengiring. Bertemakan 'Sederap Langkah Mahasiswa Peneraju Kegemilangan Bangsa', program berkenaan merupakan anjuran Jawatankuasa Kebajikan Kolej Kediaman (Jakmas) AB. Pengarah Program, Addie Rolen Dibin berkata, program itu bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa yang terlibat untuk belajar cara

mengendalikan organisasi selain berkongsi ilmu dan pengalaman bersama pelajar SMK Desa Kencana. Selain itu katanya, program itu juga dapat memberi suntikan motivasi kepada pelajar yang terlibat dalam membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan. "Ia turut melatih ahli jawatankuasa dengan kemahiran menjalankan program selaras dengan keperluan semasa yang memerlukan graduan yang



seimbang dalam aspek akademik dan 'soft-skill', katanya.

Sambutan dan kerjasama yang menggalakkan daripada pihak sekolah terutamanya guru-guru yang terlibat dalam pelaksanaan program itu termasuklah Pengetua, Abdul Malik Haron dan Guru Kaunseling, Norliza Mat Noor banyak membantu menjayakan program berkenaan. Selain itu, Pengetua Kolej AB UMS, Talib Abdullah Shani turut sama memberi sokongannya.

Antara pengisian sepanjang program motivasi itu berlangsung termasuklah Latihan Dalam Kumpulan (LDK), ceramah dan aktiviti yang menggalakkan kerjasama, kemahiran belajar serta strategi menghadapi peperiksaan. Peserta turut didedahkan secara tidak langsung dengan teknik komunikasi dan kepimpinan yang berkesan. Seramai 102 peserta terlibat yang terdiri daripada pelajar tingkatan dua hingga enam.

(Gambar atas) **AKTIVITI ...** Antara aktiviti yang memperlihatkan kerjasama peserta dalam melaksanakan tugas.


(Gambar kiri) **KREATIF ...** Program berkenaan turut mencungkil daya kreativiti setiap peserta.

(Gambar bawah) **KHUSYUK ...** Semua peserta menumpukan perhatian ketika sidang ceramah.



DARI KAMPUS & SEKOLAH
UTUSAN BORNEO

Halaman ini khusus untuk menampung penyiaran bahan-bahan mengenai aktiviti yang berlaku di sekitar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta sekolah-sekolah seluruh negeri. Program kokurikulum dan kegiatan PIBG juga boleh dimuatkan di halaman ini. Begitu juga program yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi, sama ada di peringkat negeri, daerah atau sekolah. Jika anda mempunyai cerita sedemikian, hantarkan bahan ke alamat berikut:- Penyelarasn **DARI KAMPUS & SEKOLAH** Utusan Borneo, Tingkat 6, Wisma KTS Peti Surat 14210, 88848 Kota Kinabalu. Tel: 088-318991 / Fax: 088-315991, emel: utusanborneokk@yahoo.com.my. UP: Siti Aisyah Narudin



SUKANEKA ... Kerjasama para peserta dipupuk dalam aktiviti sukaneka.